

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 MEI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 27

Tiada cadangan semak unjuran ekonomi negara

# Tiada cadangan semak unjuran ekonomi negara

Terlalu awal lihat kejatuhan nilai ringgit beri kesan pada pertumbuhan ekonomi

ISKANDAR PUTERI

**K**erajaan belum bercadang untuk menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi negara tahun ini susulan penyusutan mata wang ringgit dua minggu kebelakangan ini.

Bagaimanapun, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kerajaan akan terus memantau perkembangan mata wang tempatan itu.

Penyusutan nilai ringgit dua minggu itu disifatkan banyak dipengaruhi oleh hasil perbincangan mengenai had siling hutang Amerika Syarikat (AS), sekali gus mempengaruhi sentimen pasaran.

"Setakat ini terlalu awal untuk menetapkan bahawa kejatuhan mata wang ringgit untuk satu dua minggu ini akan ada kesan kepada *projection* (unjuran pertumbuhan ekonomi).

"Kita perlu menunggu data-data perdagangan dan ekonomi dalam bulan hadapan, dua bulan lagi kerana yang mempengaruhi unjuran pertumbuhan itu



Kerajaan mengunjurkan pertumbuhan ekonomi negara berlegar antara kadar empat hingga lima peratus bagi tahun 2023.



RAFIZI

bukan sangat melibatkan kadar nilai ringgit tetapi lebih kepada aktiviti perdagangan seperti eksport, import, harga minyak dan sebagainya," katanya kepada pemberita pada Ahad.

Rafizi berkata, situasi nilai ringgit sekarang turut membawa kebaikan, contohnya ke-

pada pendapatan negara dan juga sektor minyak memandangkan *pricing* (penetapan harga) adalah dalam nilai dolar Amerika Syarikat.

"*The higher the price is and the weaker ringgit is*, lebih banyak duit kita dapat tetapi contohnya bagi eksport kita (adalah sebaliknya). Jadi, kita akan terus me-

antau situasi tapi setakat ini tiada sebarang keperluan (untuk menyemak semula unjuran)," kata Rafizi.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan akan menyemak semula unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) susulan penyusutan mata wang tempatan.

Tahun ini kerajaan mengunjurkan pertumbuhan ekonomi pada kadar empat hingga lima peratus.

Terdahulu, Rafizi menghadiri sesi libat urus kajian separuh penggal Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri di sini.

Turut hadir, Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi. - *Bernama*